



اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI
PENGURUSAN AKTIVITI PELAJAR
KALI KE-156 BIL.4 TAHUN 2025**

PEMAKLUMAN BERKENAAN PELANGGARAN TATATERTIB PELAJAR

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Dengan segala hormatnya, merujuk kepada perkara di atas;

Pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), mengesahkan telah menerima satu laporan berhubung kesalahan menceroboh ke kawasan larangan Siswi UMPSA Kampus Gambang pada 13 Januari 2025. Kes tersebut sedang dalam proses siasatan sebelum dibawa untuk tindakan tatatertib dan mana-mana pelajar yang didapati bersalah atas apa-apa kesalahan tatatertib di bawah **KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH) (TATATERTIB PELAJAR) 2024** boleh dikenakan satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang dinyatakan seperti yang berikut:

- a) amaran;
- b) khidmat masyarakat mengikut peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Lembaga yang tidak melebihi dua puluh empat jam;
- c) denda tidak melebihi lima ratus ringgit;
- d) dilarang daripada berada di dalam mana-mana bahagian Kampus bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib;
- e) dibuang atau dilarang untuk tinggal di asrama;
- f) bagi kesalahan tatatertib yang berhubungan dengan perkara akademik, digantung daripada menduduki apa-apa peperiksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Universiti;
- g) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib; atau
- h) dibuang daripada Universiti.

Adalah menjadi tanggungjawab semua pelajar agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan universiti yang sedang berkuat kuasa bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku sehingga menjejaskan pengajian masing-masing.

Sekian, untuk makluman. Terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh: 20 Januari 2025

E-mel: tnc_hepa@umpsa.edu.my